**SKEMA SOALAN GEMPUR PENDIDIKAN ISLAM (1223/1) TAHUN 2023**

| SOALAN | | | JAWAPAN | MARAKAH |
|---|---|---|---|---|
| 1 | (a) | (i) | Nyatakan **dua** bidang pelaksanaan fiqh al-Aulawiyat.<br>- Ilmu dan pemikiran<br>- Amalan<br>- Tuntutan syarak | 2isi x1=2 markah |
| | | (iii) | Jelasakan **dua** kepentingan fiqh al-Aulawiyat terhadap individu ialah:<br>● Memastikan tindakan manusia terkawal dan sistematik.<br>● Membuahkan hasil kerja yang berkualiti dan efektif.<br>● Mengamalkan semua tuntutan Islam mengikut susunan yang tepat. | 2 isi x 2m<br>= 4 markah |
| | | | Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas ialah:<br>● Kita hendaklah sentiasa meningkatkan keimanan kepada Allah SWT dan hari akhirat kerana keimanan ialah kunci penerimaan segala ibadah.<br>● Kita hendaklah sentiasa berazam untuk berjihad dengan tenaga dan<br>● Kita hendaklah sentiasa berhijrah kepada yang lebih baik supaya menjadi insan yang produktif.<br>● Kita hendaklah sentiasa berlumba-lumba untuk melakukan kebaikan kerana kebaikan itu akan diberi ganjaran pada hari akhirat. | 2 isi x 2m<br>= 4 markah<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m |
| | (b) | (i) | Nyatakan **dua** konsep berdikari<br>● Menggunakan potensi diri yang dikurniakan oleh Allahh seperti kekuaran tubuh badan dan kecerdikan akal untuk perkara yang bermanfaat.<br>● Membebaskan diri daripada bergantung pada pihak lain demi memelihara maruah dan kemuliaan diri.<br>● Menyakini kemampuan diri untuk melaksanakan sesuatu tugasan.<br>● Berazam dengan hemah yang tinggi untuk meningkatkan kualiti diri ,masyarakat dan negara.<br>● Berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menyara kehidupan. | 2 isix1m=2 markah |
| | | (ii) | Jelaskan **dua** kelebihan berdikari.<br>● Menjadikan Islam dipandang tinggi kerana umatnya rajin berusaha.<br>● Mendapat sumber pendapatan yang diyakini halal.<br>● Melahirkan modal insan yang berkepakaran tinggi melului penerokaan ilmu dan kemahiran.<br>● Memperkasakan daya saing masyarakat untuk mempertingkat taraf kehidupan. | 2 isix1m=2 markah |



CS CamScanner

<table>
<tr><td></td><td>(iii)</td><td></td><td>Kemukakan pendapat anda tentang gambar di atas dalam konteks berdikari.<br><br>Rubrik penskoran:<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan hujah sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menyatakan hujah dan huraian</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menyatakan hujah, huraian, huraian lengkap atau contoh</td><td>3m</td></tr><tr><td>Membuat kesimpulan atau olahan menarik</td><td>4m</td></tr></table><br>Cadangan isi<br>-Berusaha sendiri tanpa meminta-minta<br>-Dikurniakan kesihatan yang baik untuk bekerja<br>-Mencari rezeki yang halal<br><br>Catatan<br>Jawapan mesti berkaitan dengan konsep berdikari dan bukannya bersedekah.</td><td>4 markah<br><br>Isi=1 m<br>Huraian= 1m<br>Huraian Lengkap= 1m<br>Kesimpulan= 1m</td></tr>
<tr><td></td><td>(c )</td><td></td><td>Nyatakan dua pembahagian Ibtida’<br>● Hasan<br>● Qabih</td><td>2 isix1m=2 markah</td></tr>
<tr><td>2</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud al-Raqib<br>Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah Maha Mengawasi semua perbuatan dan keadaan makhluk.</td><td>1 isi X 2m<br>= 2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Jelaskan dua bukti Allah SWT bersifat al-Raqib<br>● Allah Maha Mengawasi manusia dalam aspek kepatuhan kepada perintah dan larangan-Nya.<br>● Allah SWT sentiasa mengawasi manusia dalam aspek hubungan sesama manusia.</td><td>2 isi X 2m<br>=4 markah</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Kemukakan hujah anda untuk menyokong kebenaran pernyataan di atas.<br><br>Rubrik penskoran:<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan hujah sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menyatakan hujah dan huraian</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menyatakan hujah, huraian, huraian lengkap atau contoh</td><td>3m</td></tr><tr><td>Membuat kesimpulan atau olahan menarik</td><td>4m</td></tr></table></td><td>4 markah<br><br>Isi=1 m<br>Huraian= 1m<br>Huraian Lengkap= 1m<br>Kesimpulan= 1m</td></tr>
</table>

CamScanner

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>Cadangan Isi<br>● Berusaha melakukan perintah-Nya.<br>● Menjauhi larangan-Nya.<br>● Takut melakukan dosa kerana yakin Allah Maha Mengawasi setiap perbutan hamba-Nya.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Maksud ajaran sesat.<br>Ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan As-sunnah.</td><td>2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Jelaskan dua ciri ajaran sesat daripada aspek akidah<br>● Mengaku menjadi Nabi atau Rasul<br>● Mendakwa diri atau gurunya sebagai Imam al-Mahdi.<br>● Mendakwa gurunya dapat menebus dosa.<br>● Memuja makhluk untuk mendapat sesuatu kelebihan.<br>● Mempercayai semua agama benar dan menuju ke syurga.<br>● Menolak alam ghaib seperti roh, malaikat dan jin.</td><td>2 isi X 2m<br>=4 markah</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Terangkan dua cara menjauhi ajaran sesat.<br>- Ilmu-Memperlajari akidah yang sebenar(1m) berdasarkan manhaj ahli Sunnah wal jamaah(1m)<br>- Sahabat- menghindarkan diri daripada bergaul dengan orang yang dicurigai ilmu dan amalannya(1m) supaya tidak tersesat daripada jalan yang benar(1m).<br>- Amal- memastikan amalan yang dilakukan benar-benar mengikut panduan al-Quran dan As-sunnah(1m) supaya amalan diterima Allah SWT (1m).<br>- Kaji- mencari maklumat daripada sumber yang sahih supaya tidak terpengaruh dengan ajaran sesat.<br>- Doa- berdoa memohon petunjuk(1m) agar sentiasa berada di jalan yang benar(1m)<br>- Taubat- bertaubat kepada Allah SWT(1m) atas keterlanjuran mengikuti dan beramal dengan ajaran sesat(1m).</td><td>2 isi X 2m<br>=4 markah<br><br>ISI =1m<br><br>HURAIAN =1m</td></tr>
<tr><td>3</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Apakah maksud solat sunat istikharah?<br>- Solat yang dilakukan untuk memohon petunjuk Allah SWT dalam menentukan pilihan bagi sesuatu perkara.</td><td>1 isi X 2m<br>= 2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Jelaskan dua cara pelaksanaan solat sunat istikharah.<table><tr><td>NIAT</td><td>Lafaz niat:<br><br>أصلي سنة الإستخارة ركعتين لله تعالى</td></tr></table></td><td>2 isi X 2m<br>=4 markah</td></tr>
</table>

CamScanner

| | | |
|---|---|---|
| | Maksudnya:<br><br>Sahaja aku solat sunat istikharah dua rakat kerana Allah Taala. | |
| BILANGAN RAKAAT | 2 rakaat | |
| CARA PELAKSANAAN | Bersendirian | |
| BACAAN DALAM SOLAT | Rakaat Pertama | Rakaat Kedua |
| | Surah al-Fatihah | |
| | Surah al-Kafirun atau surah lain | Surah al-Ikhlas atau surah lain |
| Menyempurnakan rukun-rukun yang lain sehingga memberi salam | | |
| Berdoa dengan doa-doa yang sesuai | | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | Terangkan **dua** hikmah menunaikan solat sunat istikharah.<br>- Meningkatkan keimanan kepada Allah SWT(1m) kerana menjadikan Allah SWT sebagai tempat pergantungan.(1m)<br>- Mendidik umat Islam agar sentiasa memohon sesuatu kepada Allah SWT(1m) terutama dalam membuat keputusan(1m)<br>- Menjauhkan diri daripada perbuatan syirik(1m) dengan memohon bantuan selain Allah SWT seperti kepada bomoh(1m) | 2 isi X 2m<br>= 4 markah<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m |
| | (b) | (i) | Nyatakan **dua** syarat wajib haji dan umrah<br>- Islam<br>- Baligh<br>- Berakal<br>- Merdeka<br>- Berkemampuan | 2 isi x 1m=2 markah |

CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | Jelaskan **dua** perbezaan haji dan umrah. | 2 isi X 2m<br>= 4 markah |

| ASPEK | HAJI | UMRAH |
|---|---|---|
| **Waktu** | Dikerjakan pada bulan haji sahaja | Pada bila-bila masa sepanjang tahun |
| **Rukun** | Wajib wukuf | Tiada wukuf |
| **Perkara Wajib** | Melontar 7 anak batu pada ketiga-tiga jamrah | Tiada melontar 7 anak batu pada ketiga-tiga jamrah |
| | Bermalam di Muzdalifah | Tiada bermalam di Muzdalifah |
| | Bermalam di Mina | Tiada bermalam di Mina |
| | Melontar 7 anak batu di Jamrah Kubra | Tiada melontar 7 anak batu di Jamrah Kubra |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | Setiap ibadat yang disyariatkan dalam Islam mengandungi hikmah dan kebaikan di samping meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT. | 4 markah<br><br>Isi=1 m<br>Huraian= 1m<br>Huraian Lengkap= 1m<br>Kesimpulan= 1m |

Rubrik penskoran:

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan hujah sahaja | 1m |
| Menyatakan hujah dan huraian | 2m |
| Menyatakan hujah, huraian, huraian lengkap atau contoh | 3m |
| Membuat kesimpulan atau olahan menarik | 4m |

CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (Huraikan) hujah anda - hikmah haji<br><br>Cadangan isi:<br>- menzahirkan ketaatan dalam melaksanakan perintah Allah<br>- saling mengenali sesama umat Islam<br>- menzahirkan kekuatan umat Islam<br>- menyemarakkan perkembangan dakwah Islam<br>- meningkatkan taraf hidup umat Islam<br>- meningkatkan dana umat Islam<br>- mewujudkan sumber pendapatan baharu<br>Menghapuskan dosa kerana melakukan ibadat haji dengan penuh kesabaran dan ketakwaan kepada Allah SWT. Dengan itu ibadat haji kita akan diterima oleh Allah SWT. Kesimpulannya, kita hendaklah menunaikan ibadat haji dengan sempurna agar dapat meraih syurga-Nya. | |
| 4 | (a) | (i) | Senaraikan **dua** orang khalifah kerajaan Umaiyyah<br>- Muawiyah bin Abi Suffian<br>- Umar bin Abdul Aziz<br>- Abdul Malik bin Marwan<br>- al-Walid bin Abdul Malik | 2 isix1m=2 markah |
| | | (ii) | Jelaskan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Umaiyyah dari segi ketenteraan:<br>- Pasukan angkatan tentera yang berdisiplin dan bersemangat jihad dalam mempertahankan agama dan negara.<br>- kemudahan pengkalan tentera dan kapalperang yang dilengkapi dengan peralatan perang yang sanggih<br>- adaptasi strategi peprangan dengan meniru corak gerakan daripada Parsi. | 2 isi x 2m = 4 markah |
| | | (iii) | Terangkan **dua** iktibar yang boleh diambil daripada kerajaan Umaiyyah:<br>- kita hendaklah memartabatkan ajaran al-Quran dan al-Sunnah dalam urusan kepimpinan agar syariat Islam dapat ditegakkan.<br>- kita hendaklah menjaga hubungan baik antara pemimpin dan rakyat agar hidup harmoni.<br>- kita hendaklah menjaga kebajikan sesama rakan agar mengeratkan kasih sayang .<br>- kita hendaklah memiliki semangat jihad yang tinggi dalam mempertahankan kedaulatan negara.<br>- kita hendaklah berusaha meningkatkan ilmupengetahuan agar dapat memberi sumbangan kepada umat Islam. | 2 isi x 2m =<br>4 markah<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m |
| | (b) | (i) | Riwayat hidup Ahmad bin Ibrahim:<br>- Nama: Ahmad bin Muhammad Ibrahim<br>- Tarikh lahir: 15 Mei 1916<br>- Tarikh meninggal dunia: 17 April 1999 | 2 isix1m=2 markah |

CS CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | - Gelaran: Profesor Emiretus Tan Sri Doktor<br>- Pekerjaan: Pensyarah kuliah undang-undang di UIA dan Hakim Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Syariah<br>- Ketinggian akhlak<br>- Suka menyebarkan ilmu<br>- Menjaga etika keadilan ketika mengendalikan kes perbicaraan.<br>- Tahap pendidikan: Victoria Bridge School Singapore<br>- Raffles Institution Singapore<br>- Raffles College Singapore<br>- University of Cambridge | |
| | | (ii) | Jelaskan **dua** Sumbangan Ahmad bin Ibrahim<br>1. Hasil Karya<br>- hasilkan buku Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia<br>- Pelopor Jurnal Hukum<br>- Hasilkan buku Sistem undang-undang di Malaysia dan Islamic Law in Malaysia.<br>2. Kehakiman<br>- Hakim Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Syariah.<br>3. Perundangan<br>- Anggota panel pengasas Kuliah Undan-Undang di UIA<br>- Pengasas dan penggubal Enakmen Undang-Undang Islam (Hudud dan Qisas) Kelantan 1991. | 2 isi x 2m =<br>4 markah |
| | | (iii) | Bagaimanakah anda mencontohi ketinggian akhlak beliau untuk menjadi pelajar yang cemerlang<br><br>Rubrik penskoran:<br><br>[see rubric table below]<br><br>Cadangan isi<br>- suka menyebarkan ilmu<br>- bersikap adil | 4 markah<br><br>Isi=1 m<br>Huraian= 1m<br>Huraian Lengkap= 1m<br>Kesimpulan= 1m |

Rubrik penskoran (iii):

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan hujah sahaja | 1m |
| Menyatakan hujah dan huraian | 2m |
| Menyatakan hujah, huraian, huraian lengkap atau contoh | 3m |
| Membuat kesimpulan atau olahan menarik | 4m |

CamScanner

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>Saya akan memanfaatkan ilmu yang saya pelajari dengan mengajar rakan-rakan (1m) supaya mereka dapat menguasai sesuatu ilmu dengan baik (1m) Kesannya, ilmu yang dipelajari dan disebarkan akan dapat meningkatkan lagi kecemerlangan diri sebagai seorang pelajar .(1m).Oleh itu kita hendaklah mencontohi akhlak para cendekiawan Islam dalam usaha menyebarkan dan memanfaatkan ilmu supaya hidup kita sentiasa beroleh kejayaan di dunia dan akhirat(1m)</td><td></td></tr>
<tr><td>5</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Senaraikan dua adab menjaga alam sekitar :<br>- sentiasa mengekalkan ekosistem kehidupan flora dan fauna.<br>- sentiasa memelihara dan memulihara alam sekitar.<br>- sentiasa berusaha mengekalkan keceriaan dan kebersihan alam sekitar.<br>- sentiasa menjaga kelestarian alam.<br>- sentiasa mengamalkan cara hidup yang mesra alam<br>- sentiasa berhemah dan tidak membazir menggunakan sumber air.</td><td>2 isi x 1m = 2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Jelaskan dua hikmah adab menjaga alam sekitar:<br>- melahirkan insan yang mencintai alam sekitar<br>- melapangkan fikiran dan menenangkan jiwa<br>- menikmati persekitaran yang bersih dan bebas daripada wabak penyakit<br>- melestarikan alam sekitar yang indah.<br>- meningkatkan pendapatan negara.</td><td>2 isi x 2m =<br>4 markah</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan peranan masyarakat bagi mengatasi masalah tersebut.<br><br>Rubrik penskoran:<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan hujah sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menyatakan hujah dan huraian</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menyatakan hujah, huraian, huraian lengkap atau contoh</td><td>3m</td></tr><tr><td>Membuat kesimpulan atau olahan menarik</td><td>4m</td></tr></table><br>Cadangan isi :<br><br>-Mengadakan gotong-royong<br>-Melaporkan kepada pihak berkuasa</td><td>4 markah<br><br>Isi=1 m<br>Huraian= 1m<br>Huraian Lengkap= 1m<br>Kesimpulan= 1m</td></tr>
</table>

CS CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (b) | (i) | Maksud wasatiyah.<br>-Wasatiyyah merupakan pendekatan yang sederhana, seimbang, adil dan cemerlang dalam setiap tindakan. | 2 markah |
| | | (ii) | Jelaskan Prinsip wasatiyah dari aspek kesederhanaan.<br>- Menunaikan tugas dengan sempurna dan penuh bertangungjawab<br>- Memenuhi syarat dalam menunaikan tugas, mematuhi arahan dan prosedur dalam menjalankan amanah<br>- Melaksanakan tugas sebagai hamba Allah dan khalifah di muka bumi. | 1 isi x 2m = 2 markah |
| | | (iii) | Jelaskan **dua** ciri umat yang cemerlang.<br>● Melakukan kebaikan seperti memakmurkan bumi, membangunkan negara dan membasmi kemiskinan.<br>● Mencegar diri daripada melakukan kezaliman ,kefasikan dan kekejaman.<br>● Menggunakan kekayaan di dunia untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT.<br>● Melakukan semua tugas dan pekerjaan dengan ikhlas kerana Allah SWT. | 2 isi x 1m = 2 markah |
| | | (iv) | Terangkan **dua** hikmah melaksanakan prinsip wasatiyah<br>● Syiar Islam dapat ditegakkan (1m) dengan menyempurnakan nilai akhlak dan nilai-nilai murni (1m)<br>● Pembangunan yang menyeluruh dan seimbang dapat diwujudkan(1m) kerana adanya kestabilan politik (1m)<br>● Ekonomi masyarakat yang stabil dapat dijana(1m) kerana tiada berlaku pembaziran(1m)<br>● Tahap pendidikan masyarakat dapat ditingkatkan (1m) mengikut keperluan negara(1m)<br>● Masyarakat yang aman damai dan bersatu padu dapat dibangunkan (1m) dengan melaksankan prinsip-prinsip keadilan (1m) | 2 isi x 2m =<br>4 markah<br><br>**Isi = 1m**<br>**Huraian = 1m** |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

CamScanner